



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

1. Sempena musim Perayaan Aidilfitri tahun ini, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dijangka akan mengeluarkan sejumlah 300 Lesen Perubahan Sementara kepada pengusaha bas Ekonomi yang berminat bagi menampung permintaan yang tinggi pada harga yang berpatutan.
2. Sejak 9 September 2013, tambang siling bas Ekonomi adalah dikawal pada kadar RM0.093 setiap kilometer dengan had tambahan sebanyak 10% pada musim perayaan manakala tiada tambang siling untuk bas Eksekutif.

Jenis Bas	Tambang Lantai	Tambang Siling
Ekonomi	Tiada	RM0.093/km
Eksekutif	RM0.15/km	Tiada

3. Perkhidmatan jenis Ekonomi menyediakan bas berhawa dingin yang dilengkapi kemudahan asas manakala perkhidmatan jenis Eksekutif menawarkan keselesaan kepada penumpang dengan tempat duduk yang lebih luas, lampu baca, minuman dan makanan ringan, kerusi sandar yang dilengkapi dengan tempat meletak makanan, televisyen dan pemain multimedia digital.
4. APAD telah melaksanakan pemantauan rapi pada musim perayaan ini bagi memastikan pengendali-pengendali bas mematuhi jadual tambang yang telah ditetapkan.
5. Melalui pemantauan ini, APAD mendapat maklum balas wujudnya kekeliruan di mana pengguna yang bertujuan membeli tiket Ekonomi telah memilih tiket Eksekutif yang harganya lebih tinggi kerana maklumat yang kurang jelas pada waktu pembelian.
6. Susulan ini, APAD telah mengeluarkan arahan supaya pusat penjualan tiket berpusat termasuk dalam talian dan luar talian memaparkan secara jelas samada tiket yang dijual adalah Ekonomi atau Eksekutif agar pengguna boleh memilih perkhidmatan yang setimpal dengan harga tiket yang hendak dibayar.
7. Memandangkan semakin jadual tambang terakhir adalah lebih dari 11 tahun lepas iaitu pada September 2013, APAD akan menyemak dasar dan peraturan sedia ada termasuk pengenalan tambang siling untuk perkhidmatan Eksekutif. Semakan dasar dan peraturan ini memerlukan sedikit masa kerana melibatkan pindaan kepada perundangan.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

8. APAD ingin mengingatkan pihak pengendali untuk mematuhi jadual tambang sedia ada. Kegagalan untuk mematuhi jadual tambang boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 27 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) yang memperuntukan tindakan Penggantungan atau Pembatalan lesen pengendali.

- TAMAT -

AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
14 MAC 2025